

10 MAR 2000

Mahathir-Indonesia

M'SIA DAN INDONESIA BERTEMU ENAM BULAN SEKALI

SUBANG, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata pemimpin Malaysia dan Indonesia akan bertemu enam bulan sekali bagi mempereratkan lagi kerjasama dua hala.

Perjumpaan itu akan diadakan secara bergilir-gilir antara Kuala Lumpur dan Jakarta, kata Dr Mahathir di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, kembalinya dari lawatan dua hari ke Indonesia hari ini.

"Kita telah bersetuju dengan Bapak Presiden (Abdurrahman Wahid) yang kita akan mengadakan perjumpaan dua hala enam bulan sekali," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan keyakinannya Presiden Abdurrahman berkemampuan membawa Indonesia mengharungi sebarang masalah memandangkan penerimaannya oleh majoriti rakyat dan parti-parti politik utama di republik itu.

"Seperti juga di Malaysia, tentu ada minoriti atau pihak tertentu yang tidak puas hati, yang suka mengadakan demonstrasi dan sebagainya.

"Tetapi, umumnya majoriti rakyat negara itu ingin melihat negara mereka tidak lagi diganggu oleh perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Indonesia kini dalam keadaan "peralihan" berubah daripada satu system kepada system yang lain.

Beliau berkata Gus Dur tidak menyatakan permintaan khusus daripada kerajaan Indonesia tetapi negara itu memerlukan pelaburan dan perdagangan daripada negara-negara lain termasuk Malaysia.

Mengenai cadangan mewujudkan jambatan yang akan menyambungkan Sumatera dengan semenanjung, beliau berkata pada waktu ini ia tidak perlu kerana tidak ada kemampuan tetapi ini adalah satu cadangan yang satu hari mungkin akan menjadi kenyataan.

-- BERNAMA

GM NMO LAT